

KEPERLUAN KEHADIRAN ISTERI SEDIA ADA DALAM PERMOHONAN POLIGAMI : SATU TINJAUAN AWAL

Azizah Mohd Rapini & Nur Zulfah Md Abdul Salam

Fakulti Syariah dan Undang-undang,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

[<azizah@kuis.edu.my>](mailto:azizah@kuis.edu.my) &

ABSTRAK

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Tahun 2003 (Negeri Selangor) (EUKIS) memperuntukkan bahawa suami yang ingin berpoligami perlu mendapatkan sama ada izin atau pandangan isteri sedia ada dalam tuntutan kebenaran berpoligami. Peruntukan tersebut jelas difahami sekiranya tiada sebarang keizinan daripada isteri, mahkamah syariah perlu merekodkan pandangan isteri sedia ada terhadap tuntutan kebenaran poligami yang difaikkan suaminya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan pengumpulan data melalui sumber temubual dan dokumen-dokumen perundangan seperti statut, rekod kes mahkamah syariah dan Jurnal Hukum. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk melihat ketelusan prosedur atau tatacara yang diaplikasikan dalam tuntutan ini serta keselariannya dengan elemen *maqasid syariah*. Kajian ini juga cuba melihat kepada hak-hak keadilan yang boleh dijadikan dalihan oleh seorang isteri dalam menyatakan pandangannya terhadap permohonan poligami pihak suami. Kajian awal mendapat terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti semula khususnya dari sudut dokumentasi dalam sebarang permohonan poligami bagi memastikan kebenaran poligami yang diputuskan oleh mahkamah telah mengambil kira aspek keadilan kepada pihak isteri sedia ada. Justeru, kajian cuba mengemukakan beberapa cadangan terhadap ketelusan sistem dan proses dokumentasi yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah bagi mengelakkan sebarang bentuk kezaliman kepada pihak isteri sekaligus memelihara kredibiliti pentadbiran keadilan mahkamah syariah.

Kata kunci: poligami, keizinan, permohonan, kehakiman, keadilan

Pengenalan

Syariat membenarkan poligami sebagai satu keharusan bersyarat yang tertakluk dengan beberapa aspek berkaitan kelayakan, kemampuan dan keperluan di pihak suami. Amalan poligami oleh Rasulullah s.a.w merupakan asas kepada perlu dan patutnya seseorang suami berpoligami supaya pelaksanannya selari dengan matlamat syarak atau *maqasid syariah* terutama bagi memelihara kesucian agama dan maruah atau keturunan di samping boleh meneruskan survival ekonomi dalam institusi kekeluargaan (matlamat menjaga harta). Oleh yang demikian pelaksanaan poligami bukan sahaja memerlukan kefahaman terhadap konsep dan hikmahnya menurut hukum syarak, tetapi juga sistem perundangan yang jelas berserta pentadbirannya yang telus.

Kajian ini secara umumnya untuk mengakaji ketelusan prosedur atau tatacara yang diaplikasikan di Mahkamah Tinggi Syariah dalam tuntutan permohonan poligami dan keselariannya dengan elemen *maqasid syariah*. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti hak seorang isteri dalam menyatakan pandangannya terhadap permohonan poligami pihak suami.

2. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan fiqh, undang-undang dan perundangan Islam serta statut-statut berkaitan berserta temubual ringkan bersama pengamal-pengamal perundangan. Kajian ini menggunakan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagai sampel kajian dan rujukan statut yang utama kerana hampir kebanyakan enakmen yang sama bagi negeri-negeri lain di Malaysia mempunyai komponen serta peruntukan atau kandungan yang sama.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif dan komparatif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui teks naskhah, dokumen-dokumen berkaitan berserta hasil temubual tidak berstruktur.

3. Perbincangan

Penyelewengan aplikasi dan penyalahgunaan keharusan syarak dalam kelompok keluarga yang mengamalkan poligami menimbulkan persepsi negatif terhadap amalan tersebut terutama dalam kalangan kaum wanita serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang menentang poligami. Dan menurut rekod Unit Rundingcara di Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Selangor, poligami merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada krisis rumah tangga (Penyelidikan GPIK/KUIS, 2019). Walaupun wujud perkembangan positif mengembalikan kepercayaan masyarakat terhadap poligami seperti penubuhan persatuan poligami harmoni, seminar dan bengkel berkaitan, amalan tersebut tetap masih menjadi keimbangan terhadap golongan wanita khususnya atas alasan ketidakmampuan suami untuk berlaku adil.

3.1 Poligami Menurut Hukum Syarak Dan Undang-undang

Firman allah SWT yang bermaksud:

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin Dengan mereka), maka berkahwinlah Dengan sesiapa Yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan Yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.”

(*al-Nisa’* : 3)

Ayat di atas merupakan dalil utama kebenaran syarak kepada lelaki untuk berpoligami dengan batasan-batasan tertentu iaitu (Mahmood Zuhdi & Raihanah Azahari, 1989) :

- i. Tidak melebihi empat orang isteri.
- ii. Kemampuan berlaku adil dari aspek material, giliran dan pergaulan
- iii. Kemampuan memberi nafkah terhadap semua isteri dan anak-anak
- iv. Tidak menghimpunkan dua adik beradik sebagai isteri

Hukum poligami menurut syarak tidak menggambarkan sebagai hukum asas perkahwinan melainkan dalam situasi yang sangat memerlukan disebabkan oleh halangan individu seperti penyakit isteri sedia ada atau wujud konflik peperangan atau keruntuhan moral dalam masyarakat supaya golongan wanita terbelah jauh dari sebarang kemudharatan dan kerosakan agama (akidah), maruah dan akhlak. Keharusan tersebut juga sepatutnya tidak menjelaskan matlamat perkahwinan dalam Islam untuk keharmonian dan keberkatan institusi kekeluargaan jauh dari sebarang fitnah dan kemudharatan.

Poligami merupakan satu kebenaran yang boleh diberikan oleh mana-mana lelaki yang layak menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan diperuntukkan dalam statut undang-undang keluarga Islam (aktan dan enakmen) di semua negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan. Rata-rata statut negeri tersebut memperuntukkan perkahwinan poligami dalam seksyen 23 Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri. Sebagai contoh dalam seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 yang memperuntukkan:

- (1) Tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya suatu perkahwinan boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Mahkamah, membuat akad nikah perkahwinan yang lain dengan perempuan lain.
- (2) Tiada perkahwinan yang diakadnikahkan tanpa kebenaran di bawah subseksyen (1) boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini melainkan jika Mahkamah berpuashati bahawa perkahwinan sedemikian adalah sah mengikut Hukum Syarak dan Mahkamah telah memerintah supaya perkahwinan itu didaftarkan tertakluk kepada seksyen 124.
- (3) Subseksyen (1) terpakai bagi perkahwinan dalam Negeri Selangor seseorang lelaki yang bermastautin dalam atau di luar Negeri Selangor dan perkahwinan di luar Negeri Selangor seseorang lelaki yang bermastautin dalam Negeri Selangor.
- (4) Permohonan untuk kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu iqrar menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut atau perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutnya dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinannya yang dicadangkan itu.
- (5) Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri, dan mana-mana orang lain yang difikirkan oleh Mahkamah boleh memberi keterangan mengenai perkahwinan

yang dicadangkan itu supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup, dan Mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati—

(a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandang kepada, antara lain, hal-hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;

(b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh Hukum Syarak, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;

(c) bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan adil kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syarak; dan

(d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan darar syari' e kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.

(6) Satu salinan permohonan di bawah subseksyen (4) dan iqrar yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah disampaikan bersama dengan surat panggilan ke atas tiap-tiap isteri yang sedia ada.

(7) Mana-mana pihak yang terkilan atau tidak puas hati dengan apa-apa keputusan Mahkamah boleh merayu terhadap keputusan itu mengikut cara yang diperuntukkan di bawah Enakmen Tatacara Mal (Negeri Selangor) [Enakmen 4/2003] 2003.

(8) Mana-mana orang yang membuat akad nikah bersalah dengan subseksyen (1) hendaklah membayar dengan serta merta semua jumlah mas kahwin dan pemberian yang kena dibayar kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada, dan jika jumlah itu tidak dibayar sedemikian, boleh dituntut sebagai hutang.

(9) Acara bagi akad nikah dan pendaftaran sesuatu perkahwinan di bawah seksyen ini adalah serupa dalam serba perkara dengan yang dipakai bagi perkahwinan-perkahwinan lain yang diakadnikahkan dan didaftarkan dalam Negeri Selangor di bawah Enakmen ini.

(10) Tiap-tiap Mahkamah yang memberi kebenaran atau memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan di bawah seksyen ini, hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan—

(a) untuk menghendaki seseorang untuk membuat pembayaran nafkah kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada; atau

(b) untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan.

Peruntukan di atas telah memberikan panduan kepada mana-mana suami yang hendak berpoligami melalui tatacara tertentu, sekaligus memperuntukkan hak dan keadilan kepada para isteri sama ada berupa hak untuk didengar pandangan, hak untuk dilayan secara adil, serta hak diperuntukkan

nafkah dan harta sepencarian sekiranya suami berkahwin lain. Selain dari itu, sebagai langkah kawalan terhadap amalan poligami supaya tidak diseleweng, undang-undang keluarga Islam di Malaysia juga telah memperuntukkan beberapa klausu berkaitan kesalahan-kesalahan yang melibatkan tatacara permohonan/pendaftaran dan penyelewengan hak dalam amalan poligami. Sebagai contoh dalam seksyen 124 dan 129 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.

Seksyen 124. Poligami tanpa kebenaran Mahkamah

Jika seseorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Mahkamah maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

Seksyen 129. Tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri

Seseorang yang tidak memberi keadilan sewajarnya kepada isterinya mengikut Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

Seksyen 124 di atas telah memperuntukkan tentang perkahwinan poligami yang tidak melalui permohonan rasmi mana-mana Mahkamah Tinggi Syariah negeri, sebagai contoh, perkahwinan poligami yang dijalankan secara senyap (kahwin lari) di Selatan Thailand merupakan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang keluarga Islam negeri-negeri. Manakala seksyen 129 pula ialah kesalahan yang boleh didakwa ke atas mana-mana suami yang tidak menunaikan amanah keadilan terhadap isteri-isteri dalam berpoligami. Walau bagaimanapun, setakat ini tiada kes direkodkan di mahkamah syariah berkaitan kesalahan tersebut. Apa yang biasa dituntut oleh seseorang isteri yang teraniaya disebabkan poligami ialah tuntutan perceraian di bawah seksyen 47 atau jika keadaan telah menimbulkan penganiayaan yang maksimum maka isteri akan dinasihatkan untuk membuat tuntutan pembubaran perkahwinan atau fasakh di bawah seksyen 53(91)(h)(vi) enakmen yang sama khusus bagi kes penganiayaan dalam poligami.

3.2 Prosedur Permohonan Poligami Di Malaysia

Secara umumnya mana-mana lelaki/suami yang berhasrat untuk berpoligami, dia adalah terikat untuk mematuhi prosedur-prosedur seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 23 Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri iaitu:

- i. Mendapatkan kebenaran bertulis dari Mahkamah Tinggi Syariah di negeri mastautin pemohon.
- ii. Mengemukakan (kepada mahkamah) satu *iqrar* bertulis butir-butir permohonan, alasan-alasan permohonan, butir-butir komitmen/tanggungan, pendapatan.
- iii. Saman dan Penyata Tuntutan akan disampaikan kepada pihak isteri sedia ada..
- iv. Isteri boleh menjawab Penyata Tuntutan suami sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan alasan/keterangan (melalui Penyata Pembelaan).

- v. Kehadiran isteri sedia ada, suami, bakal isteri berserta walinya dalam perbicaraan tertutup.
- vi. Perbicaraan untuk dengar pandangan/keterangan semua pihak berkaitan alasan perkahwinan, jaminan keadilan, kemampuan memberi nafkah, komitmen keluarga sedia ada dan dengan bakal isteri, jaminan perkahwinan tidak menimbulkan darar syarie kepada isteri/keluarga serta peluang/ruang kepada isteri sedia ada untuk mendapat jaminan awal nafkah dan harta sepencarian.
- vii. Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah terhadap permohonan.
- viii. Mengemukakan kelulusan/kebenaran poligami ke Pendaftar/Penolong Pendafar Jabatan Agama Islam/Pejabata Agama Islam Daerah.
- ix. Formaliti/prosedur perkahwinan seperti perkahwinan biasa dengan kebenaran Pendaftar/Penolong Pendafar Jabatan Agama Islam/Pejabata Agama Islam Daerah.

3.3 Persoalan Hak dan Keadilan Terhadap Isteri Sedia Ada

Setiap penciptaan Allah ada hikmah dan tujuannya dan adalah mustahil bagi Allah menjadikan sesuatu perkara tanpa arah tuju dan matlamatnya. Hikmah dan tujuan inilah yang dimaksudkan sebagai *maqasid shari'ah* atau objektif syarak (Mahmood Zuhdi, 2012). Secara umumnya *maqasid* atau objektif syariah boleh ditafsirkan sebagai menarik kebaikan (*jalb al-masalih*) dan menolak merosakan (*dar'u al-mafsadah*) (Ibnu' Asyur, 2009). Maslahah pula menurut Imam al-Ghazali boleh diibaratkan sebagai menarik manfaat (*jalb al-manfa'ah*) dan menahan kemudaratan (*daf'u mudarrah*). Kedua-dua konteks maslahah ini merupakan matlamat syarak yang secara umumnya bertujuan memelihara lima perkara asas kehidupan meliputi agama, nyawa, akal, harta dan keturunan (al-Ghazali, 1993).

Mengetahui *maqasid shari'ah* adalah sangat penting untuk memahami nas-nas syarak dengan cara yang sebenar. Begitu juga bagi tujuan mengeluarkan hukum melalui dalil-dalil yang muktabar dengan cara betul. Seseorang mujtahid bukan hanya perlu memiliki kemahiran melihat makna literal di sebalik dalil-dalil syarak, tetapi juga perlu mengetahui rahsia-rahsia di sebalik pensyariatan serta tujuan umum atau *maqasid shari'ah* dari hukum-hukum syarak supaya boleh memahami nas dan mentafsirkannya dengan cara yang selamat di samping dapat mengeluarkan hukum yang selari dengan matlamat syarak ('Abdul Karim Zaydan, 1976).

Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah menjelaskan bahawa syariat dibina atas asas kemaslahatan hidup manusia di dunia dan akhirat. Kemaslahatan tersebut merangkumi prinsip keadilan, rahmah, maslahah, hikmah dan segala yang bertentangan dari empat prinsip tersebut bukan datang dari syariat (Ibnu al-Qayyim, 2004). Mohammad Hashim Kamali telah merumuskan bahawa objektif syariah boleh dibahagi kepada tiga iaitu mendidik individu, menegakkan keadilan dan memelihara kepentingan umum (*al-maslahah*). Matlamat yang ketiga itu yang sebenarnya merangkumi objektif atau matlamat yang pertama (mendidik individu) dan kedua (keadilan) dan gabungan semuanya sangat berkaitan dengan kemaslahatan manusia dunia dan akhirat (Mohammad Hashim Kamali, 2009).

Keadilan menurut Kamus Dewan (1997) yang berasal dari perkataan adil boleh ditakrifkan sebagai satu sifat bagi perbuatan berdasarkan pertimbangan yang wajar atau berpatutan, tidak memihak ke mana-mana atau tidak membuat sesuatu keputusan dengan sewenang-wenangnya. Al-Shatibi menyamakan maksud keadilan sebagai pertengahan atau keseimbangan dan tidak berpihak kepada sesiapa melalui apa sahaja cara yang tidak menimbulkan kesuakaran atau penyelewengan (al-Shatibi, 1981). ‘Abdul Karim Zaydan (1989) menyifatkan keadilan sebagai prinsip utama yang membawa kemaslahatan manusia pada setiap masa dan tempat dalam semua perkara terutama dalam konteks kehakiman.

Mohammad Hashim Kamali menjelaskan istilah ‘*adl* atau *qist* (keadilan) merupakan objektif utama bagi syariah dalam konteks hak dan disebut di dalam al-Quran acapkali. ‘*Adl* boleh diertikan sebagai meletakkan sesuatu di tempat yang wajar atau sesuai sebagai objektif asas bagi mewujudkan keseimbangan di antara hak dan kewajipan supaya kemudaratan atau kezaliman dapat dihindarkan. Beliau menambah lagi bahawa istilah ‘*adl* merupakan salah satu manifestasi maslahah yang juga sangat sinonim dengan istilah *maqasid shari’ah* (Mohammad Hashim Kamali, 2009).

“Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami Dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat Yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab suci dan keterangan Yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan Kami telah menciptakan besi Dengan keadaannya mengandungi kekuatan Yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (dijadikan besi Dengan keadaan Yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu Dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang Yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan ugama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.”

(al-Hadid : 25)

Hubungkait keadilan dengan poligami adalah sangat rapat selari dengan keharusannya dalam ayat ketiga Surah al-Nisa. Keadilan yang menjadi teras aplikasi poligami adalah bagi memenuhi matlamat syarak (*maqasid syariah*) supaya perkahwinan kali kedua atau ketiga atau keempat tidak menjelaskan atau membawa kemudarata kepada institusi kekeluargaan (menjaga keturunan), kesihatan mental ahli keluarga terutama isteri sedia ada (menjaga akal), keselamatan fizikal (menjaga nyawa), keseimbangan ekonomi keluarga (menjaga harta) dan lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT (menjaga agama). Oleh yang demikian, mahkamah syariah sebagai sebuah institusi utama dalam menentukan kelayakan seseorang untuk berpoligami akan mempastikan sesuatu permohonan menepati syarat yang telah diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada (Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri) walaupun peruntukan tersebut tidak dinyatakan secara terperinci dalam nas-nas syarak, atas dasar maslahah dan keadilan.

Bagi maksud keadilan juga, seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 (sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia) seperti yang dijelaskan

sebelum ini sebenarnya telah, secara tersirat, memperuntukkan hak-hak isteri sedia ada sekiranya suami berpoligami yang boleh dirumuskan seperti berikut:

- i. Hak untuk didengar dan diambil kira pandangannya oleh Hakim Syarie semasa dipanggil bersama-sama suami di hadapan Hakim sebelum permohonan poligami diluluskan oleh mahkamah syariah – seksyen 23(5) (Abdul Walid, 2016).
- ii. Hak untuk didengar kes permohonan poligami dalam perbicaraan tertutup di Mahkamah Tinggi Syariah supaya aibnya tidak didengar oleh orang lain – seksyen 23(5).
- iii. Hak untuk diperlakukan/dilayan secara adil dalam poligami – seksyen 25(5).
- iv. Hak untuk membuat bantahan terhadap permohonan poligami sekiranya terbukti suami tidak layak – seksyen 23(7).
- v. Hak untuk mendapatkan peruntukan khas/jaminan awal nafkah yang adil pra poligami – seksyen 23(10).
- vi. Hak untuk mendapatkan peruntukan khas/jaminan awal harta sepencarian pra poligami – seksyen 23(10) (Abdul Walid, 2016).

Sekiranya pihak isteri mendapati hak-hak di atas (terutama item i, ii, iv, v dan vi) telah dikhianati atau dinafikan, mereka boleh mengemukakan bantahan melalui Penyata Pembelaan bagi membalas dan menjawab tuntutan pihak suami atau mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah mengikut undang-undang tatacara mal mahkamah syariah negeri.

Dalam kes yang popular dalam perbincangan topik poligami *Aisyah lwn. Wan Mohd Yusof* (1990) 7 JH 152, pihak Responden (suami) telah buat permohonan poligami di Mahkamah Syariah di Shah Alam dan mahkamah telah meluluskan permohonan tersebut atas alasan kemampuan pihak suami dan dibimbangi berlaku maksiat sekiranya perkahwinan tidak diteruskan. Pihak isteri pertama telah mengemukakan rayuan bantahan atas alasan bukti kemampuan pihak suami masih tidak memadai untuk membuktikan alasan ‘patut dan perlu’ terhadap perkahwinan tersebut (undang-undang keluarga Islam di Malaysia sebelum pindaan kepada ‘patut atau perlu’). Pihak perayu menghujahkan semua syarat-syarat yang diperuntukkan dalam seksyen 23 perlu dibuktikan secara berasingan tanpa meninggalkan mana-mana syarat tersebut kerana semua syarat tersebut adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak. Mahkamah telah membenarkan rayuan pihak perayu dan permohonan pemohon tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, pemohon akhirnya berjaya mendapatkan kelulusan tersebut di negeri Terengganu kerana pada masa kes ini diputuskan belum ada arahan berkaitan perintah bersaling (antara mahkamah syariah negeri-negeri) pada zaman/fasa undang-undag Islam negeri-negeri di Malaysia belum diseragamkan.

Dalam kes yang lain pada tahun yang sama, iaitu kes *Rajamah lwn. Abdul Wahab* (1990) 7 JH 171, pihak Perayu (isteri) tidak berpuashati terhadap kebenaran poligami yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Selangor atas alasan kemampuan pihak Pemohon (suami), jaminan boleh memberi layanan adil dan tidak akan memudaratkan isteri. Mahkamah Tinggi Syariah telah membenarkan rayuan Perayu atas alasan Pemohon gagal mengemukakan bukti yang cukup tentang keupayaannya memelihara isteri lebih dari seorang. Mahkamah akhirnya telah menolak permohonan poligami tersebut dan alasan penghakiman yang sama dengan kes *Aisyah* bahawa semua syarat poligami dalam seksyen 23 perlu dibuktikan secara berasingan termasuk bukti bahawa perkahwinan tersebut dikatakan sebagai ‘patut dan perlu’.

Pengkaji melihat kes-kes di atas sebagai satu bentuk penghargaan dan keadilan kepada hak-hak isteri untuk diambil pandangannya sebelum mahkamah membenarkan permohonan poligami suami. Walau pun mungkin kadang-kadang pandangan isteri kurang relevan dan kemampuan suami lebih terserlah sekurang-kurangnya mahkamah telah mengambil langkah mempastikan hak awal isteri diambil perhatian sebelum mempertimbangkan kes tersebut. Isteri merupakan pihak yang lebih dekat dengan suami, yang lebih mengenali suami dan lebih mengetahui tahap kemampuan suami sama ada mampu atau tidak untuk membina lebih dari satu keluarga. Oleh sebab itulah, undang-undang berkaitan telah memperuntukkan syarat yang begitu rupa bagi mengawal sebarang ‘penyalahgunaan kuasa’ suami dalam hak mereka untuk berpoligami sebagai langkah menjaga institusi kekeluargaan. Cuma tinggal lagi kaedah dan pertimbangan pihak mahkamah untuk menilai sebarang permohonan mahu pun bantahan.

Dalam kes *Ainisram Bin Ramli lwn Norliah Binti Misnan* (Kes Mal No : 10200-011-0233-2013, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam), mahkamah telah menolak permohonan poligami Plaintiff kerana Plaintiff gagal membuktikan kelayakan ‘patut’ dan hanya mengemukakan bukti ‘perlu’ yang pada pandangan hakim tidak begitu kuat. Walaupun Defendant telah mengemukakan persetujuan terhadap permohonan poligami Plaintiff, mahkamah tetap melihat aspek keadilan itu perlu diberi perhatian yang wajar dengan menilai semua aspek, alasan dan keterangan terutama keadilan di pihak isteri serta anak-anak. Dakwaan Plaintiff bahawa Defendant tidak mampu menunaikan tanggungjawab seksual kepada plaintiff tidak disokong oleh sebarang keterangan yang kuat, malah Defendant merupakan seorang isteri yang masih sihat dan perkahwinan mereka dikurniakan tiga orang anak. Aspek keadilan juga dilihat dari aspek implikasi ekonomi keluarga melalui kemampuan jika permohonan poligami tersebut diluluskan kerana pendapatan pihak Plaintiff belum menccah kadar kecukupan normal hidup berkeluarga masa kini iaitu tidak sampai RM2 ribu. Dalam kes ini mahkamah telah merujuk maksud ‘patut’ dari aspek terminologi iaitu antara lain baik/elok, layak, sesuai, padan, tidak lebih tidak kuang, seimbang, setimpal (adil), penting, mesti, wajib, perlu, sudah seharusnya/selayaknya. Manakala istilah ‘perlu’ merujuk kepada maksud keharusan, sangat berhajat/berkehendak, berguna. Kedua-dua aspek tersebut tidak disokong dengan keterangan yang kuat dari saksi atau dokumen dan lebih kepada dakwaan plaintiff semata-mata. Apatah lagi bila mahkamah melihat *qarinah* (tanda-tanda luaran berkaitan yang boleh dijadikan bukti) aspek *darar* (kemudaran) jika kepada pihak defendant dan anak-anak jika poligami tersebut diteruskan terutama terhadap aspek ekonomi keluarga.

Penulis sangat bersetuju dengan pendekatan hakim dalam penghakiman kes di atas yang telah mempertimbangkan aspek keadilan dan pembelaan terhadap hak-hak isteri secara menyeluruh walaupun permohonan tersebut dipersetujui oleh pihak isteri melalui kehadirannya dalam perbicaraan di mahkamah. Pengalaman penulis sendiri mengikuti perbicaraan secara tertutup permohonan poligami antara sebab isteri bersetuju dengan permohonan poligami suami adalah bagi mengelakan pihak suami dan bakal isteri terjerumus dengan sebarang aktiviti maksiat dan hubungan terlarang.¹ Oleh yang demikian, boleh jadi persetujuan para isteri terhadap kebanyakan permohonan poligami suami adalah atas dasar tersebut di samping desakan atau ugutan pihak suami.

Dalam kes yang lain di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Terengganu, (Kes Saman No : 111000-011-XXX-2019) hakim membenarkan permohonan poligami atas dasar kemampuan yang diyakini oleh hakim sama ada dari aspek kemampuan material dan fizikal (nafkah zahir dan

¹ Observasi penulis di Mahkamah Tinggi Syariah Muar, Johor, Oktober 2015.

batin) melalui jumlah pendapatan bersih bulanan serta sihat tubuh badan, ditambah dengan persetujuan pihak isteri yang meyakini pemohon boleh berlaku adik dan isteri tidak mengemukakan sebarang bantahan terhadap permohonan tersebut. Dalam kes ini nampaknya hakim kuat berpegang kepada ketiadaan bantahan pihak isteri yang bersetuju dengan permohonan poligami sehingga mahkamah menganggap tidak ada sebab untuk mahkamah tidak membenarkan permohonan tersebut. Pihak pemohon telah mengemukakan alasan berpoligami dalam afidavit permohonannya untuk membela nasib bakal isteri yang hidup berseorangan, untuk mengelakkan maksiat serta berkemampuan dari aspek fizikal dan material yang membolehkannya berlaku adil.

Kedua-dua kes di atas melibatkan persetujuan dan kehadiran isteri tetapi pertimbangan hakim yang akan menentukan sama ada seseorang suami layak atau tidak untuk berpoligami dengan melihat keseluruhan aspek bagi mempastikan matlamat keadilan dalam menjaga hak kesemua pihak dapat dicapai. Sekiranya kehadiran isteri pun kadang-kadang memungkinkan permohonan poligami ditolak, apatah lagi jika isteri tidak hadir untuk memberikan keterangan atau pandangan berkaitan permohonan pihak suami.

Dalam satu sesi konsultasi penulis bersama seorang klien (nama klien dirahsiakan), kebenaran poligami yang diperolehi oleh pihak suami dipertikaikan walaupun kebenaran tersebut merupakan kebenaran sah dari Mahkamah Tinggi Syariah di salah sebuah negeri di Selatan tanah air kerana pihak isteri tidak pernah menerima sebarang saman atau dipanggil oleh mahkamah untuk memberi keterangan. Persoalannya bagaimana kebenaran tersebut dikeluarkan dan apakah atas pertimbangan bagi kebenaran tersebut sedangkan tiada sebarang keterangan isteri direkodkan. Dalam isu ini, ada tiga kemungkinan. Pertama, kemungkinan berlaku penyelewengan integriti di pihak peguam plaintif yang mungkin memalsukan keterangan (melalui affivafit) bahawa saman telah sempurna (pihak plaintif atau isteri menerima saman tersebut) tetapi pihak isteri yang enggan beri kerjasama/hadir ke mahkamah tanpa alasan munasabah. Kemungkinan kedua ialah pihak plaintif atau suami yang memalsukan maklumat kepada pihak peguam mendakwa defendant enggan beri kerjasama tanpa alasan munasabah untuk hadir ke mahkamah walaupun saman telah sempurna. Kemungkinan ketiga ialah pertimbangan hakim yang ringan dengan merekodkan kemampuan zahir dan kedudukan kewangan suami semata-mata yang dilihat mampu memberikan keadilan zahir kepada isteri-isteri (Temubual Tuan Muhammad Amirul Ashraf A. Ghani , 2020).

Adalah menjadi kemestian untuk mahkamah memanggil pihak isteri sedia ada sebagai defendant melalui serahan saman dan penyata tuntutan bagi memenuhi maksud perkataan ‘hendaklah’ dalam seksyen 23 (5) di kebanyakan peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, ‘....Mahkamah **hendaklah** memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada...’. Oleh yang demikian, secara literalnya, adalah mustahil mahkamah membenarkan permohonan poligami tanpa merekodkan keterangan atau pandangan isteri sedia ada melainkan ada sebab-sebab yang sah menurut undang-undang untuk mahkamah berbuat demikian seperti wujud bukti sah keenggan isteri tanpa alasan munasabah untuk hadir dalam perbicaraan setelah menerima saman. Malah, isteri sedia ada mempunyai peluang dan hak mengemukakan bantahan dengan alasan kukuh yang boleh dinyatakan dalam Penyata Pembelaan. (Temubual Tuan Mohd Syafiq Bin Norizan : 2020)

Sekiranya permohonan poligami telah mengikut prosedur atau tatacara perundangan yang betul secara zahir bermula dengan bukti serahan saman sehingga kepada pembuktian atau *iqrar*

kemampuan suami telah sempurna, persoalan ketelusan keadilan di pihak isteri masih lagi boleh dipersoalkan terutama dari aspek ketelusan kaedah pembuktian atau keterangan iaitu:

- i. Sama ada pihak defendant/ isteri mengetahui haknya untuk menfailkan Pembelaan bagi menjawab Penyata Tuntutan yang difailkan oleh plaintif/suami
- ii. Sama ada wujud bukti atau *qarinah* isteri menerima saman tetapi enggan menjawab tuntutan/menghadirkan diri
- iii. Sama ada wujud keterangan bahawa isteri telah menyatakan persetujuan atau bantahan secara bertulis sebagai ganti ketidakhadiran dengan alasan yang munasabah

Pada pandangan penulis, ketiga-tiga persoalan di atas perlu diambil kira oleh mahkamah sebelum mengeluarkan kebenaran poligami kepada pihak plaintif/suami sekiranya defendant/isteri gagal menghadirkan diri ke mahkamah untuk direkodkan keterangan atau pandangannya terhadap permohonan tersebut. Kemampuan material serta kedudukan kewangan suami yang kukuh semata-mata masih belum memenuhi maksud keadilan yang dijamin oleh syarak terhadap keharusan berpoligami tanpa mengambil kira kesan terhadap isteri-isteri sedia ada sekiranya pandangan atau keterangan mereka tidak direkodkan. Keadilan yang menjadi salah satu asas kebenaran poligami mestilah meliputi aspek hak-hak isteri sedia ada yang tidak akan terjejas dengan poligami tersebut dan jauh dari risiko *darar* terhadap isteri sama ada secara fizikal (termasuk kesan ekonomi keluarga) atau mental (termasuk kemurungan).

Oleh yang demikian, pada pandangan penulis, permohonan poligami yang tidak dapat dihadiri oleh isteri sekiranya didakwa sedemikian oleh pihak suami, mahkamah perlu mengadakan siasatan secara telus terhadap ketulenan dakwaan tersebut terutama ketulenan dokumen berkaitan, sejajar dengan kehendak pembuktian dokumen dalam enakmen atau undang-undang keterangan mahkamah syariah negeri-negeri. Mahkamah juga mungkin boleh mengeluarkan arahan sumpah berkata benar (mengikut Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan Arahan Amalan Mahkamah Syariah berkaitan Amalan Sumpah Syarie) terhadap pihak suami yang mendakwa isteri sedia ada tidak dapat hadir memberikan keterangan dengan sokongan dokumen berkaitan.

4. Kesimpulan

Keadilan dalam amalan poligami di Malaysia bukan sahaja bergantung kepada pelaksanaannya oleh pihak suami dalam perkahwinan, tetapi juga kepada pihak yang memberi kelulusan terhadap suami untuk berpoligami menurut lunas undang-undang. Oleh yang demikian mahkamah syariah (Mahkamah Tinggi Syariah) merupakan pihak pertama yang perlu mempastikan segala prosedur berkaitan dipatuhi sepenuhnya oleh pihak suami bagi mengelakkan hak dan keadilan isteri sedia ada tidak terjejas. Sama ada isteri sedia ada hadir atau tidak dalam perbicaraan permohonan poligami, pengetahuannya (sama ada bersetuju atau tidak) terhadap permohonan yang dikemukakan mestilah dipastikan sebagai '*genuine*' melalui pemeriksaan teliti terhadap dakwaan suami berserta sokongan dokumen-dokumen berkaitan yang telah diperiksa mengikut tatacara keterangan yang sewajarnya. Langkah seperti ini penting bukan sahaja untuk memelihara keadilan di pihak isteri-isteri sedia ada, tetapi juga kredibiliti mahkamah syariah sendiri sebagai institusi yang dilihat oleh orang awam sebagai salah satu institusi agama Islam yang bertanggungjawab menjaga kemaslahatan ummah dan institusi kekeluargaan di Malaysia.

5. Rujukan

- ‘Abdul Karim Zaydan . (1976). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Baghdad: Maktabah al-Qudus, 1976.
- ‘Abdul Karim Zaydan. (1989). *al-Madkhal Li al-Dirasah al-Shari’ah al-Islamiyyah* . Baghdad: Maktabah al-Qudus.
- Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ghazali .(1993) *al-Mustasfa Min ‘Ilmi al-Usul*, Jilid 1. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Abi Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati al-Shatibi. (1981). *al-Muwafaqat Fi Usul al-Ahkam*, Jilid 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Walid Abu Hassan. (2016). Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia. Cyberjaya : Universiti Islam Malaysia.
- Ahmad Ibrahim. (1999). *Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Azizah Mohd Rapini, Zanariah Dimon, Nur Zulfah Md Abdul Salam, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Hammad Mohammad Dahalan. Pembangunan Modul Runding Cara Kekeluargaan di Jabatan-jabatan Islam Negeri-negeri di Malaysia. Geran Penyelidikan GPIK KUIS 2017-2019.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.
- Haji Mohd Salleh Haji Ahmad. (2009). Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Ibnu ‘Ashur . (2009). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah. (2004). *I’lam al-Muwaqi’in*. Kaherah:Dar al-Hadith.
- Kamus Dewan. Edisi Ketiga . (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (2012). Maqasid al-Sharia’ah: Satu Pengenalan, dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzie Abdul Aziz, *Maqasid al-Syariah*. Selangor: Penerbit UIAM.
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid & Raihanah Hj Azahari. (1989). Undang-undang Keluarga Islam. Kuala Lumpur: Karya Abazie.
- Mohammad Hashim Kamali. (2009). *Principles of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn Bhd.
- Temubual Peguam Syarie Mohd Syafiq Norizan. 11 November 2020.
- Temubual Peguam Syarie Muhammad Amirul Asyraf A. Ghani. 11 November 2020.

Contoh:

“Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu pula adalah mahkluk yang sangat kufur kepada Tuhan mereka”

(Al- Isra’:27)

Pembahagian dalam kertas kerja:

Pengenalan

Metodologi

Perbincangan

Kesimpulan

Penghargaan (pilihan)

Rujukan

Contoh-contoh meletakkan rujukan:

Jurnal:

Wan Mohd Nor Wan Daud & Khaliff Muammar. (2009). Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abda ke-17 Masihi Berdasarkan Durr al-Faraaid Karangan Sheikh Nurudin al-Raniri. Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation. 27(2), 119-146.

Buku:

Strunk, W., Jr., & White, E. B. (1979). The elements of style. (3rd ed.). New York: Macmillan.